



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
NEGERI PULAU PINANG**

**DOKUMEN SEBUTHARGA**

**KERJA-KERJA MENCUCI DAN MEMBAIKI REZAB TEBING KIRI &  
KANAN SUNGAI JAWI  
DAN  
TEBING KIRI SUNGAI JUNJUNG , BUKIT TAMBUN ,  
SEBERANG PERAI SELATAN**

**No. SEBUTHARGA :**

**JPS/N/SH/SPS/D/47-2012**



**Jurutera Daerah  
Seberang Perai Selatan  
Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi  
14200 Seberang Perai Selatan**



**JABATAN PENGAIKAN DAN SALIRAN  
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN  
PULAU PINANG**

**Tajuk Kerja : UNTUK KERJA-KERJA MENCUCI DAN MEMBAIKI  
REZAB TEBING KIRI & KANAN SUNGAI JAWI DAN  
TEBING KIRI SUNGAI JUNJUNG , BUKIT TAMBUN ,  
SEBERANG PERAI SELATAN**

**No. Sebutharga : JPS/N/SH/SPS/D/47-2012**

**Isi Kandungan**

<b>Bil</b>	<b>Keterangan</b>
1	<b>Kenyataan Sebutharga</b>
2	<b>Dokumen A – Arahan Kepada Kontraktor</b> <b>Lampiran A1- Surat Akuan Pembida</b> <b>Lampiran A2- Surat Akuan Pembida Berjaya</b>
3	<b>Dokumen B – Syarat-Syarat sebutharga</b>
4	<b>Dokumen C – Borang Sebutharga</b>
5	<b>Dokumen D – Jadual Kadar Harga</b>
6	<b>Dokumen E – Kehendak Permulaan Dan Syarat-Syarat Am</b>
7	<b>Dokumen F - Spesifikasi</b>
8	<b>Dokumen 1(1)- Senarai Kerja Yang Telah Siap</b>
9	<b>Dokumen 1(2)- Rekod Pengalaman Penyebutharga</b>
10	<b>Pelan Punca</b>
11	<b>Pelan Papan Tanda ('Signboard')</b>

**KERAJAAN MALAYSIA**  
**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**



**KENYATAAN SEBUTHARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

No. SEBUTHARGA	TAJUK KERJA
JPS/N/SH/SPS/D/47-2012	KERJA-KERJA MENCUCI DAN MEMBAIKI REZAB TEBING KIRI & KANAN SUNGAI JAWI DAN TEBING KIRI SUNGAI JUNJUNG , BUKIT TAMBUN , SEBERANG PERAI SELATAN

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan :
- i) Kementerian Kewangan Malaysia dalam Bidang 220402 dan 220403
  - ii) Berdaftar dengan e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang
3. Segala maklumat dan dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di Pejabat Jurutera Daerah JPS Seberang Perai Selatan, Ting.3, Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi mulai dari **18 APRIL 2012 hingga 2 MEI 2012**.
4. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi dari laman web e-perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan bayaran sebanyak **RM 10.00**.
5. **Pendaftaran sebutharga pada 25 APRIL 2012 akan bermula dari jam 9.00 pagi hingga 9.30 pagi sahaja.** Sesiapa yang hadir selepas jam 9.30 pagi tidak akan dibenarkan mendaftar untuk sebutharga ini.
6. \*Taklimat / Lawatan tapak akan diadakan pada **25 APRIL 2012 jam 9.30 pagi di Rumah Pam Nibong Tebal , Seberang Perai Selatan.**
7. Sebutharga ini akan ditutup pada **2 MEI 2012**. Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Daerah Seberang Perai Selatan, Ting 3, Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi, tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut. Resit pembelian hendaklah dikepaskan bersama Borang Sebutharga.

*Nota : \* Sessi Taklimat adalah DIWAJIBKAN dan hanya kontraktor yang ditauliahkan menghadiri sessi taklimat dibenarkan memperolehi Dokumen Sebutharga*

.....  
**(MOHAMAD HAFIZUL BIN HAMID)**  
Jurutera Daerah  
Jabatan Pengairan dan Saliran  
Seberang Perai Selatan.

## **DOKUMEN A**

### **ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR**

#### **1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

#### **2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

##### **2.1 Penyediaan Sebutharga**

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya.

- (a) **Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebutharga,**
- (b) **Harga, tempoh dan tandatangan dalam borang Sebutharga,**
- (c) **Senarai Kerja Dalam Tangan,**
- (d) **Lampiran Spesifikasi yang ditandatangani**

*Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.*

##### **2.2 Penyerahan Dokumen Sebutharga**

- (a) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga No. **JPS/N/SH/SPS/D/47-2012** serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.
- (b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.
- (d) Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebutharga pada tarikh tutup Sebutharga akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tatatertib.

##### **2.3 Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi Pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

3. **PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau manapun Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

4. **TEMPOH SAH SEBUTHARGA**

Sebutharga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebutharga. Kontraktor tidak boleh menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga. Pengesyoran tindakan tata tertib akan diambil sekiranya Kontraktor menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga.

5. **TEMPOH BANTAHAN**

Tempoh bantahan adalah ditetapkan selama 7 hari.

## **DOKUMEN B**

### **SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK PERKHIDMATAN**

#### **1. PEMERIKSAAN TAPAKBINA**

Kontraktor adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti Tapakbina dan sekitarnya, bentuk dan jenis Tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke Tapakbina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjelas Sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

#### **2. BON PERLAKSANAAN/INSURANS**

- (a) Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam \* dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh perlaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pengawai Inden berhak mengambil tidakan seperti di bawah pasal 9(d).

#### **3. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA**

- 3.1** Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebutharga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga ini dan arahan Pegawai Inden atau wakilnya.

#### **4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA**

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas 7 hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

*\*Potong jika tidak diperlukan*

#### **5. SUB-SEWA DAN MENYERAHKAN KERJA**

Kontraktor tidak dibenarkan mengasub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain, kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah dibawah Inden Kerja tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

## **6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI INDEN**

Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja-kerja yang tidak menepati spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

## **7. RINGKASAN SEBUTHARGA**

- (i) Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutharga.
- (ii) Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan kerja dengan sempurnanya.
- (iii) Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan semua duti dan cukai kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebutharga atau dalam tempoh kerja.
- (iv) Harga-harga dalam ringkasan sebutharga yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah tetakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam ringkasan sebutharga hendaklah dibuat sebelum Inden kerja dikeluarkan.
- (v) Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebutharga menurut perenggan (iv) tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga hendaklah tetap tidak berubah.

## **8. PERCANGGAHAN DALAM DOKUMEN SEBUTHARGA**

Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebutharga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

## **9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR**

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden.

- (a) **Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan;**
- (b) **Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;**
- (c) **Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab munasabah;**
- (d) **Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan**

(d) Apabila Kontraktor diisyiharkan bankrap atau muflis.

**10. KERJA PERUBAHAN**

- (a) Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan Pegawai Inden atau disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebutharga ini.
- (b) Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ringkasan sebutharga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

**11. TEMPOH LIABILITI KECACATAN**

Kontraktor hendaklah membaiki apa-apa ketidak sempurnaan atau apa-apa kerosakan lain dalam tempoh Liabiliti Kecacatan, iaitu dalam tempoh kerja pusingan.

**12. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak undang-undang kecil dan undang berkanun dalam Malaysia semasa perlaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhananya dengan syarat-syarat ini.

**13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah Kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan mengembalikan Inden Kerja Asal.

**DOKUMEN C**

**BORANG SEBUTHARGA**

No. Sebutharga : **JPS/N/SH/SPS/D/47-2012**

**Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Seberang Perai Selatan,  
Tingkat 3, Kompleks Pejabat Kerajaan,  
14200 Sungai Jawi.**

Tuan,

**Sebutharga Untuk :**

**KERJA-KERJA MENCUCI DAN MEMBAIKI REZAB TEBING KIRI & KANAN SUNGAI JAWI  
DAN TEBING KIRI SUNGAI JUNJUNG , BUKIT TAMBUN , SEBERANG PERAI SELATAN**

---

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Pentender, Syarat-syarat Sebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak

**Ringgit  
Malaysia.....**

**(RM .....)**

**2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dengan sempurna dan memuaskan dalam masa ..... minggu dari tarikh mula kerja seperti yang di tetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja.**

**Bertarikh pada ..... haribulan .....2012.**

.....  
**(Tandatangan Pentender)**

.....  
**(Tandatangan Saksi)**

**Nama Penuh :.....**

**Nama Penuh: .....**

**No. K/P : .....**

**No.K/P: .....**

**Alamat : .....**

**Alamat: .....**

**Atas sifat : .....**

.....

.....  
**Meteri atau Cop Syarikat**

**DOKUMEN D**No. Sebutharga : JPS/N/SH/SPS/D/47-2012**JADUAL KADAR HARGA**

**SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA MENCUCI DAN MEMBAIKI REZAB TEBING KIRI & KANAN  
SUNGAI JAWI DAN TEBING KIRI SUNGAI JUNJUNG , BUKIT TAMBUN , SEBERANG PERAI  
SELATAN**

Bil	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah (RM)
1.	<p>Kehendak kerja-kerja permulaan sebagai mana yang ditetapkan dalam kerja-kerja JPS, antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Polisi Tanggungan Awam, Pekerja.</li> <li>b) Jalan masuk dan kerja lain yang berkaitan.</li> <li>c) Membaiki tapak kerja selepas siap</li> <li>d) Gambar-gambar saiz 4R sebelum, semasa dan selepas dibuat Profile gambar kerja.</li> <li>e) Gambar-gambar disimpan dalam satu Pendrive 8GB</li> <li>f) Pembinaan Papan Tanda bagi kerja sebutharga mengikut syarat dan spesifikasi ditetapkan. <i>( Sila rujuk contoh papan tanda yang dilampirkan untuk rujukan )</i></li> </ul>	Harga Pukal		.....	.....
2.	<p><b>KERJA MENCUCI DAN MEMBAIKI REZAB TEBING KIRI &amp; KANAN SUNGAI JAWI ( 2 BELAH ) DAN TEBING KIRI SUNGAI JUNJONG (BAN KIRI) , BUKIT TAMBUN.</b></p> <p>Menyediakan segala keperluan tenaga buruh, mesin dan lain-lain peralatan bagi melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja pembersihan Sungai Jawi dan Sungai Junjong di dalam kawasan Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan untuk seperti berikut :-</p> <p>a) 3 Pusingan Setahun Anggaran Setiap Pusingan :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>I) Sungai Jawi – (Ban Kiri &amp; Kanan ) Panjang : - 4,231 m</li> <li>i ) Pusingan Pertama</li> <li>ii)Pusingan Kedua</li> <li>iii) Pusingan Ketiga</li> </ul>	Meter	4231	.....	.....
	<b>Jumlah dibawa ke muka surat D/2</b>				

	<p><i>Sambungan daripada mukasurat D/1</i></p> <p><b>b) Pusingan Sungai Junjong ( Ban Kiri )</b>  <b>Panjang :- 2,635 m</b>          :-</p> <p>i ) Pusingan Pertama</p> <p>ii)Pusingan Kedua</p> <p>iii) Pusingan Ketiga</p> <p><i>Kerja-Kerja yang dijalankan hendaklah mengikut arahan Pegawai Penjaga.</i></p>	Meter	<b>2635</b>	.....	.....
	<b>JUMLAH DI BAWA KE BORANG SEBUTHARGA :</b>				

(Ringgit Malaysia : .....  
..... )

(RM.....)

Kuantiti ini adalah hanya sebagai panduan sahaja kepada kontraktor dan Jabatan, ini tidak menjamin ketepatannya. Kerja-kerja adalah mengikut Sebutharga dan Spesifikasi yang dikepilkanserta arahan Pegawai Penjaga.

**LAMPIRAN E****KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM**

1	Skop Kerja	1.1 Kerja yang diliputi dalam Sebutharga ini adalah kerja-kerja mengorek dan membaiki tebing dan juga pembersihan sungai meliputi kerja-kerja menebas dan memotong segala pokok-pokok, rumput, membuang kemilin, lumut, mengorek tanah di sungai dan lain-lain tumbuhan serta membuang segala sampah sarap di dalamnya dan kedua-dua cerunnya. Kesemuanya mengikut kelulusan sepenuhnya oleh Pegawai Penguasa yang kemudian ini disebut sebagai P.P.
2.	Tempat Letak Tapakbina	2.1 Tapakbina ini terletak di Kawasan Saliran Sungai Jawi dan Sungai Junjong , Seberang Perai Selatan.
3.	Harta Benda Yang Bersebelahan	3.1 Dimana harta benda yang bersebelahan dengan tapak kerja sentiasa digunakan oleh Majikan/tuanpunya-tuanpunya dan penghuni-penghuni yang bersebelahan. Kontraktor hendaklah mengatur dan menjalankan kerja itu dengan gangguan atau halangan yang minimum kepada penggunaan harta benda yang bersebelahan itu termasuk jalan-jalan, lorong-lorong jalankaki, lain-lain laluan dan sebarang, perkhidmatan di situ. Dia hendaklah menurut segala arahan atau petunjuk yang diberikan oleh P.P. di dalam hal-hal ini.
4.	Laluan Dan Jalan Sementara	4.1 Kontraktor hendaklah mengada dan menyenggarakan semua jalan masuk sementara ke tapak kerja, pembentong, lorong, jambatan sementara dan lain-lain yang perlu untuk laluan ke kawasan dan di dalam kawasan tapak kerja sepanjang mana yang diperlukan mengikut yang diluluskan oleh P.P. Lokasi laluan ke tapak kerja yang akan dibuat hendaklah seperti yang ditandakan di atas pelan tapak kerja atau sepetimana yang diluluskan oleh P.P. dan Kontraktor hendaklah membuat segala urusan dan mendapatkan semua kelulusan dan keizinan yang dikehendaki atas perbelanjaannya sendiri.

5.	Saliran Tapakbina	<p>5.1 Kontraktor hendaklah mengadakan saliran yang sepatutnya untuk air permukaan dari tapakbina termasuk air hujan dari kawasan sekeliling yang mengalir ke tapak bina.</p> <p>5.2 Kontraktor hendaklah dengan perbelanjaannya sendiri, memperuntukkan, membentuk, memasang dan menyenggarakan apa-apa pam, pelongsor, dinding, longkang, batas-batas, perangkap-perangkap lumpur dan lain-lain kerja sementara yang perlu untuk saliran tapakbina yang sepatutnya supaya tidak berlaku banjir atau lain-lain kerosakan atau gangguan kepada kawasan-kawasan disekeliling kerja atau kepada kerja di sepanjang tempoh kontrak.</p>
	Kerosakan Kepada Jalan-Jalan Yang Sediada Dll.	<p>6.1 Kontraktor hendaklah mengatur untuk membawa bahan-bahan, loji-loji dan sebagainya supaya kerosakan kepada jalan-jalan dan pembentung-pembentung yang sedia ada adalah minimum. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan yang disebabkan oleh loji-loji atau pekerja-pekerjanya ke atas mana-mana jalan, pembentong dan sebagainya dan hendaklah menyenggara dan memperbaiki kerosakan-kerosakan itu mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P atau sebaliknya, dia hendaklah menanggung kos penyenggaraan dan pemulihan tersebut sebagai potongan dari wang yang kena dibayar atau genap masanya dibayar kepada Kontraktor ini.</p>
7.	Pekerja-Perkerja Dibataskan Ditapakbina	<p>7.1 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab supaya semua orang di bawah kawalannya, termasuk mereka yang bekerja dengan Kontraktor –Kontraktor Kecil, pembekal-pembekal dan pengangkut-pengangkut dibataskan ditapak kerja dan hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelakkan kerosakan dan apa juu gangguan dan hendaklah melepaskan tanggungan Kerajaan terhadap sebarang tuntutan yang timbul darinya.</p>
8.	Pengambilan Kerja Buruh Tempatan Sub-Kontraktor	<p>8.1 Semua buruh dan Sub-Kontraktor yang digunakan untuk kerja ini hendaklah diambil dari daerah atau negeri di mana kerja itu terletak. Kontraktor hendaklah sebaik sahaja selepas mengambil pemilikan tapakbina, berurus dengan Pejabat Buruh Tempatan, Pegawai Daerah atau Penghulu untuk pengambilan mereka bekerja. Dalam mana-mana keadaan sekalipun Kontrak tidak dibenarkan menggunakan buruh-buruh dan Sub-Kontraktor yang diimport melainkan P.P berpuashati bahawa mereka tidak boleh diperolehi didalam daerah atau negeri yang berkenaan.</p>
9.	Butir-Butir Pekerja	<p>9.1 Kontraktor hendaklah memberi kepada P.P. menyenggara dan mengemaskinikan satu senarai mengandungi semua pekerja-pekerjanya termasuk kesemua pekerja yang diambil bekerja oleh Sub-Kontraktor atau kesemua butiran di dalam borang yang dinyatakan di dalam Lampiran yang berkenaan pada Spesifikasi ini.</p>
10.	Gambar Foto Kemajuan Kerja	<p>10.1 Kontraktor hendaklah mengambil gambar-gambar kemajuan kerja pada tiap-tiap cucian dalam bentuk digital pada tiap-tiap sessi kerja pusingan sepertimana yang diarahkan oleh P.P. Bilangan purata</p>

		gambar foto yang diambil tiap-tiap cucian pada sessi kerja pusingan hendaklah mencukupi bagi menunjukkan kemajuan kerja cucian tetapi hendaklah tidak kurang daripada tiga pemandangan satu pusingan dan Kontraktor hendaklah menyerahkan kepada P.P dalam bentuk ‘Thumbdrive’ yang dipersetujui bersaiz 8 GB, bersama-sama dengan tiga keping salinan gambar foto digital berwarna bersaiz poskad bagi setiap pemandangan yang diluluskan. Kesemua gambar foto digital tersebut hendaklah dicatitkan dengan tajuk dan tarikh ianya diambil. Kontraktor hendaklah juga membekalkan album yang sesuai untuk simpanan gambar tersebut dengan selamat.
--	--	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

- \* Berikan butir-butir
- \*\* Terangkan sebarang kehindaran yang tertentu

#### LAMPIRAN F

No. Sebutharga : **JPS/N/SH/SPS/D/47-2012**

**SEBUTHARGA BAGI : KERJA-KERJA MENCUCI DAN MEMBAIKI REZAB TEBING KIRI & KANAN SUNGAI JAWI DAN TEBING KIRI SUNGAI JUNJUNG , BUKIT TAMBUN , SEBERANG PERAI SELATAN**

#### **SPESIFIKASI**

1. Sebutharga ini adalah termasuk menyediakan segala tenaga kerja, mesin jengkaut dan segala peralatan kerja untuk menjalankan kerja-kerja mengorek dan membaiki tebing dan juga pembersihan sungai, di Kawasan Saliran Sungai Jawi dan Sungai Junjung , Seberang Perai Selatan.
2. Harga Sebutharga ini termasuklah sewaan mesin untuk pemindahan tanah merah serta keperluan kerja-kerja berkaitan, penyediaan kerja-kerja sementara seperti menyediakan laluan sementara, pembentungan sementara lain-lain yang diluluskan.
3. Lukisan pembinaan yang disertakan adalah sebagai panduan dan semua kerja-kerja di tapak hendaklah mengikut spesifikasi seperti lukisan pembinaan. Sekiranya terdapat sebarang masalah hendaklah menghubungi pegawai penguasa untuk pengesahan.

Spesifikasi diatas telah dibaca )  
dan difahami sepenuhnya )  
dan akan mematuhi syarat-syarat )  
yang telah ditetapkan )

Tandatangan kontraktor :  
Nama dan Cop :

## LAMPIRAN A1

### SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**Tajuk Sebutharga:** KERJA-KERJA MENCUCI DAN MEMBAIKI REZAB TEBING KIRI & KANAN SUNGAI JAWI DAN TEBING KIRI SUNGAI JUNJUNG , BUKIT TAMBUN , SEBERANG PERAI SELATAN

**No. Sebutharga:** JPS/N/SH/SPS/D/47-2012

Saya, ..... nombor K.P. ..... yang mewakili .....

Nombor pendaftaran ..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga\* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- i. penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga\* di atas; atau
- ii. penamatan kontrak bagi tender/sebutharga\* di atas; dan
- iii. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam

tender/sebutharga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

Saksi,

.....  
Nama:

No. K.P:

Cop Syarikat:

.....  
Nama:

No KP:

**Catatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan**

## **LAMPIRAN A2**

### **SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA**

**Bagi**

**Tajuk Sebutharga:** **KERJA-KERJA MENCUCI DAN MEMBAIKI REZAB TEBING KIRI & KANAN SUNGAI JAWI DAN TEBING KIRI SUNGAI JUNJUNG , BUKIT TAMBUN , SEBERANG PERAI SELATAN**

**No. Sebutharga:** **JPS/N/SH/SPS/D/47-2012**

Saya, ..... nombor K.P. ..... yang mewakili .....

Nombor pendaftaran ..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga\* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- i. penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga\* di atas; atau
- ii. penamatkan kontrak bagi tender/sebutharga\* di atas; dan
- iii. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan

tender/sebutharga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

Saksi,

.....  
Nama:

No. K.P:

Cop Syarikat:

.....  
Nama:

No KP:

**Cacatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan**

### **DOKUMEN 1(1)**

#### 8. Rekod Pengalaman Kontraktor

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi Yang Mengawasi Projek	Harga (RM)	Tempoh Projek		
				Tarikh Mula	Tarikh Jadual Siap	Tarikh Siap Sebenar

--	--	--	--	--	--

1. Kontraktor perlu mendapat pengesahan dari Jabatan/Agensi yang mengawasi projek bagi setiap kerja yang disenaraikan

### **DOKUMEN 1(2)**

9. Senarai Kerja-kerja Dalam Tangan

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi Yang Mengawasi Projek	Harga (RM)	Tempoh Projek		
				Tarikh Mula	Tarikh Jadual Siap	Tarikh Siap Sebenar

--	--	--	--	--	--	--

2. *Kontraktor perlu mendapat pengesahan dari Jabatan/Agensi yang mengawasi projek bagi setiap kerja yang disenaraikan*

<p><b>NOTA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 80 mm Tinggi huruf dan berwarna hitam,</li> <li>- 2 mm Tebal kepingan zinc atau skrew atau di reuet pada bingkai kelui sederhana keras bersaiz 20 x 20 mm.</li> <li>- Kepingan zinc di cat seperti dilaraskan oleh P.P.</li> <li>- Tiang kayu 'grade B' bersaiz 50 x 40 mm</li> </ul>							
<p>JURUTERA DAERAH :</p>							
<table border="1"> <tr> <td>DIL UKIS : SHAHMAN</td> <td>TARIKH : 25.02.2012</td> </tr> <tr> <td>DISEMAK :</td> <td>UKURAN : 1:10</td> </tr> <tr> <td colspan="2">NO. LUKISAN :</td> </tr> </table>		DIL UKIS : SHAHMAN	TARIKH : 25.02.2012	DISEMAK :	UKURAN : 1:10	NO. LUKISAN :	
DIL UKIS : SHAHMAN	TARIKH : 25.02.2012						
DISEMAK :	UKURAN : 1:10						
NO. LUKISAN :							

**PELAN : CONTOH PAPAN TANDA SEBUTHARGA**